



MUAFAKAT KEDAH

Ruj. Kami : BEND20170507 – KB0881
Tarikh : 7 Mei 2017

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2017

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Utara Malaysia

Tuan/ Puan

SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR (SMARTPHONES) UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke – 106 Bil. 2/2017 telah meluluskan Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (Smartphones) UUM selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan WP 9.1/ 2017. Skim ini telah dikemaskini seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi masa kini.

Justeru itu, amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak RM5,000 sahaja (bagi salah satu atau kombinasi kedua-duanya). Tempoh bayaran balik adalah tidak melebihi 48 bulan.

Pembelian komputer yang dibenarkan adalah pembelian komputer baharu termasuk perkakasan dan perisiannya seperti kategori berikut:

- a) **Kategori Komputer**
 - i) Komputer desktop
 - ii) Komputer riba
 - iii) komputer tablet

- b) **Kategori Perkakasan**
 - i) mesin pencetak
 - ii) mesin pengimbas
 - iii) peranti pelbagai fungsi

Permohonan untuk membuat pembelian lebih daripada satu unit komputer adalah dibenarkan tetapi bukan dari **kategori komputer** yang sama dan juga pembelian komputer bersama lebih dari satu unit perkakasan adalah dibenarkan tetapi bukan dari **kategori perkakasan** yang sama.

.../2

Manakala pembelian telefon pintar (smartphones) yang dibenarkan adalah pembelian telefon pintar (smartphones) baharu termasuk perkakasan tambahan. Pemohonan untuk membuat pembelian lebih daripada satu unit telefon pintar adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pembelian telefon pintar (smartphones) di bawah pakej jalur lebar dibenarkan tetapi pembiayaan tidak termasuk bayaran langganan bulanan.

Pemohon pembiayaan dikehendaki mendapat bekalan komputer dan telefon pintar (smartphones) hanya melalui pembekal yang dilantik oleh Universiti. Senarai syarikat pembekal adalah seperti berikut :

a.) Uniutama Solution Sdn Bhd
Lot 258 & 259, UUM Business Centre
Lorong 1, Taman Universiti
06010 Sintok
Kedah Darul Aman

b.) Koperasi UUM Berhad
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

Permohonan pembiayaan komputer dan telefon pintar (Smartphones) adalah secara online mengikut portal staf masing-masing. Peraturan ini terpakai berkuatkuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’
“ILMU, BUDI, BAKTI”**

Saya yang menurut perintah,


(HJ AMRON BIN MAN)
Bendahari

s.k: - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Edaran